

Lelaki cederakan isteri dipenjara 10 bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret semalam menjatuhkan hukuman penjara 10 bulan terhadap seorang lelaki yang mencederakan isterinya gara-gara tidak berpuas hati ditegur kerana memarahi anak mereka.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman itu terhadap Ikmal Rezal Eddy, 24, yang mengaku bersalah sebaik didakwa di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu

terhadap isterinya yang berusia 27 tahun dalam satu kejadian sekitar jam 9.30 malam pada 23 Julai 2025, di sebuah rumah di Kampung Samariang di sini.

Fakta kes mendedahkan berlaku pertengkar antara pasangan tersebut selepas mangsa menegur tindakan suaminya (tertuduh) memarahi anak kedua mereka yang menghidap Sindrom Down kerana membaling pensel ke arah tertuduh.

Tertuduh naik berang dan terus menyepak perut, menerajang bahagian

belakang, menyepak pinggang kiri, selain menumbuk dada serta kepala mangsa di bahagian kiri sebanyak tiga kali.

Akibat kejadian itu, mangsa mengalami sakit-sakit badan dan kepala.

Difahamkan, mangsa sedang mengandung tiga bulan.

Malah, bapa mangsa yang turut menyaksikan kejadian itu dikatakan dipukul oleh tertuduh susulan dia cuba meleraikan pertengkarannya tersebut.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 25 Julai 2025.